



7 Disember 2011
7 December 2011
P.U. (A) 403

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (PERSIMPANGAN BERTINGKAT INDAHPURA) 2011

FEDERAL ROADS (INDAHPURA INTERCHANGE) ORDER 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959
PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN
(PERSIMPANGAN BERTINGKAT INDAHPURA) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Johor, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Persimpangan Bertingkat Indahpura) 2011.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 8 Disember 2011.

Perisyiharan jalan sebagai jalan Persekutuan

2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Persimpangan Bertingkat Indahpura yang merupakan sebahagian daripada Jambatan dan Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura, Lebuhraya Laluan Pontian dan Lebuhraya Perlis yang bermula dari kilometer 30.3 (di koordinat U-48857.985, T+6820.398 Grid Cassini Malaysia) dan berakhir di kilometer 32.2 Persimpangan Bertingkat Indahpura (di koordinat U-47389.172, T+8011.852 Grid Cassini Malaysia) yang kedua-dua jarak diukur ke arah utara dari sempadan antarabangsa Malaysia dan Singapura, termasuk jalan-jalan sambungannya, diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

(2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.